

31/10/2003

Antara mitos dan wawasan

By Wan Jailani Razak

KELMARIN di negara Arab atau benua Eropah. Hari ini di Langkawi. Esok, Kuala Lumpur menanti. Begitulah sibuknya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri. Apa yang pasti, beliau tetap singgah di Langkawi walaupun baru pulang dari destinasi yang jauh. Melakukan lawatan kerja dua kali sebulan ke Langkawi bukan lagi perkara luar biasa.

Apa rahsia Langkawi? Apa keistimewaan pulau legenda itu sehingga begitu menarik minat Perdana Menteri. Jawapannya mungkin sudah ditemui mereka yang pernah tinggal di Langkawi.

"Saya pun macam orang lain juga, datang Langkawi nak berehat" kata Dr Mahathir sejeurus ditanya tujuannya ke Langkawi selepas Persidangan Agung Umno, tahun lalu.

Pada satu siri lawatan kerjanya ke Langkawi, Dr Mahathir juga pernah menyatakan, beliau mulanya berat hati apabila dihantar bertugas sebagai pegawai perubatan selama enam bulan di Langkawi pada 1956. Ketika itu pulau berkenaan tidak mempunyai apa-apa tetapi selepas itu, skrip cerita bertukar ceria.

"Saya bersyukur melihat penduduk Langkawi semakin mewah dan semakin bahagia. Insya-Allah walaupun saya berhenti 15 bulan 23 hari, saya akan datang ke Langkawi, tak akan lupa dengan Langkawi.

"Kerana kata doktor, bila saya mai Langkawi, darah tinggi saya turun rendah. Jadi, inilah ubat yang mustajab," katanya di hadapan lebih 500 penduduk yang menyambut ketibaannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Padang Matsirat, 7 Julai tahun lalu, sekembalinya dari Bangkok.

Berbekalkan idea dan wawasan, beliau bertanggungjawab memakmurkan pulau legenda itu yang dulunya hanya perkampungan nelayan mundur, menjadi pulau pelancongan bertaraf antarabangsa yang gah di serata dunia. Status bebas cukai yang diperolehi pada 1987, mendorong ekonomi di pulau itu bergerak pantas, sekali gus membolehkan penduduk menikmati pembangunan hasil resipi Dr Mahathir.

Untuk meletakkan Langkawi pada peta dunia dalam jangka masa singkat dan kini dikenali dengan jolokan Bandar Raya Pelancongan bukan mudah. Bagaimanapun, penduduk Langkawi amat bertuah kerana memiliki pemimpin yang sebijak Dr Mahathir.

Justeru, tidak hairanlah jika penduduk berharap Langkawi terus mendapat perhatian Dr Mahathir meskipun selepas beliau bersara. Dr Mahathir pada beberapa kunjungan ke pulau itu menyatakan kesediaannya kembali ke Langkawi selepas bersara.

Sambil menyifatkan Langkawi sebagai tempat istimewa, Perdana Menteri yakin sumpah Mahsuri tidak berulang, sebaliknya Langkawi terus maju walaupun selepas persaraannya.

Kini, menerusi Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) sebagai badan pelaksana, segalanya ada di Langkawi. Lada yang memulakan operasi pada April 1990 bertanggungjawab membangunkan Langkawi dalam tempoh 20 tahun. Kini, berbaki tujuh tahun, Lada menjalankan fungsinya dengan baik apabila penyediaan prasarana bagi menyokong pembangunan pelancongan di Langkawi berada pada tahap tertinggi.

Kejayaan Lada membangunkan Langkawi hingga menjadi destinasi pelancongan antarabangsa terkenal adalah hasil komitmen dan sokongan Kerajaan Pusat dan Kedah dengan Dr Mahathir sebagai penggerak utama pembangunan.

Bagaimanapun, persaraan Dr Mahathir tidak seharusnya mematahkan semangat

semua pihak untuk terus memacu industri pelancongan Langkawi. Mereka harus menyahut cabaran Dr Mahathir untuk meningkatkan usaha memajukan pulau berstatus bandar raya pelancongan ini jika benar-benar sayangkan beliau. Perdana Menteri banyak berjasa kepada pembangunan Langkawi dan kerana itulah, jasanya perlu dibalas dengan meneruskan perjuangan beliau.

Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuah, Ismail Yaakob, yang lebih dikenali sebagai Cikgu Man Pendek, berkata Dr Mahathir amat teliti dan mahu perkembangan di Langkawi dilaporkan.

"Beliau pernah meminta saya mengemukakan laporan mengenai apa saja yang tidak kena dengan pembangunan Langkawi," katanya. Beliau turut mencipta seloka khusus buat Dr Mahathir.

Orang Langkawi memang tak lupa,
Kepada PM yang banyak berjasa,
Pulau dulunya berhutan rimba,
Kini menjadi sebuah bandar raya.

Nama Dr M memang serasi,
Dengan penduduk Pulau Mahsuri,
Beliau arkitek mengubah geografi,
Sekali gus memacu ekonomi.

Kereta kabel di Gunung Matchinchang,
Pertunjukan Lima dua tahun berselang,
Galeria Perdana dan Dataran Lang,
Menggamit pelancong supaya datang.

Dari pulau yang terkena sumpah,
Kini sudah banyak berubah,
Infra lengkap bangunan indah,
Pendapatan penduduk juga bertambah.

Kami berdoa kepada Tuhan,
Setelah bersara disihatkan badan,
Tidur lena dan lalu makan,
Memberi pendapat buah fikiran.

* Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat MIC menghargai dan menyanjung tinggi kepimpinan Dr Mahathir yang membawa Malaysia ke tahap kegemilangan selama 22 tahun

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu

* Kelemahan Dr Mahathir ialah lembut hati menyebabkan ada pihak yang bertindak memperlakukannya kerana tidak tahan dengan rayuan orang

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik

* Keputusan Dr Mahathir sesuatu yang menyedihkan kerana negara kehilangan seorang pemimpin agung

Bekas Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) Datuk Amar Leo Moggie

* Pas menghormati Dr Mahathir sebagai pemimpin negara yang berjaya memperkenalkan negara melalui suaranya di pentas antarabangsa. Beliau juga banyak memperkenalkan peraturan, termasuk memastikan kakitangan awam menepati waktu

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang

(END)